



[THE LETTER HAMZAH: HIGHLIGHTS OF ITS ORIGIN AND BACKGROUND]

HURUF HAMZAH: SOROTAN ASAL USUL DAN LATAR BELAKANG

FELZA ZULHIBRI ABD HAMID, NOR HAFIZI YUSOF & MUHAMAD FADLLY ISMAIL¹

¹ Centre For Languages and Pre-University Academic Development, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Jalan Sultan Ahmad Shah, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan, Pahang Darul Makmur, Malaysia
E-mail: felza@iium.edu.my

² Pusat Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA
e-mail: nhafizi@unisza.edu.my

³ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UNIPSAS), KM 8 Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS e-mail: fadlly@kuipsas.edu.my

*Corresponding Author: nhafizi@unisza.edu.my

Received Date: 15 November 2021 • Accepted Date: 1 December 2021

Abstract

Hamzah is a difficult letter in pronunciation compared to other letters because its point of articulation (makhrāj) is located at the bottom part of the throat, the farthest compared to other points. Therefore, the symbol of hamzah also has a diverse background based on the hamzah letter identity, which has a concession (rukhsah) in the expression due to the difficulty of pronouncing it. The problem has caused confusion among the community to understand the scope of hamzah symbols found in mushaf because the Muslim community, especially in Malaysia, is bound by the narration of Hafs bin Sulayman al-Kufi that does not reveal the change of the letter hamzah based on its identity. Therefore, the purpose of this study was to reveal the correct understanding of the scope of hamzah letters involving symbols, colours and vowel marks (lines or harakat) based on the history recorded by qurra'. This descriptive study discusses the views of qurra' related to the letter hamzah, specifically involving symbols, colours and vowel marks (lines or harakat). All data were analysed using inductive and conductive methods. The findings show that the letter hamzah has a diverse background referring to its symbols, colours and vowel marks (lines or harakat). All these backgrounds cannot be realised within the community when they are still bound by the narration of Hafs bin Sulayman al-Kufi. If this understanding is not explained in detail to the public, it is worried that the community will be confused about the identity of the letter hamzah that is subject to various changes in all aspects, whether involving symbols in mushaf or the variety of pronunciation based on ahruf al-Sab'ah. This study can also be an added value for teachers of the Quran in understanding the scope of the letter hamzah as one of the letters in the hija'iyah letters.

Keywords: hamzah, simbol, hijaiyyah, Hafs

Abstrak

Huruf hamzah adalah antara huruf yang sukar dalam sebutan berbanding dengan huruf-huruf yang lain. Ini adalah kerana makhraj huruf tersebut terletak di pangkal kerongkong iaitu makhraj yang paling jauh sekali antara makhraj-makhraj yang lain. Maka dengan ini, simbol huruf hamzah juga mempunyai latar belakang yang berbagai berdasarkan identiti huruf hamzah yang mempunyai rukhsah dalam ungkapan kerana kesukaran untuk menyebutnya. Adapun huruf ha', walaupun makhraj sama dengan huruf hamzah tetapi tiada mempunyai rukhsah dalam sebutan sepertimana huruf hamzah. Bertitik tolak daripada permasalahan tersebut, telah timbulnya kekeliruan dalam kalangan masyarakat untuk memahami ruang lingkup simbol huruf hamzah yang terdapat dalam mushaf. Ini adalah kerana masyarakat Islam khususnya di Malaysia terikat dengan kaedah pembacaan Riwayat Hafs bin Sulayman al-Kufi yang secara dasarnya kurang pendedahan tentang perubahan huruf hamzah berdasarkan identitinya. Oleh itu kajian ini dibuat adalah bertujuan untuk menyingkap kefahaman yang tepat mengenai ruang lingkup huruf hamzah melibatkan simbol, warna dan barisnya berdasarkan sejarah yang telah dirakamkan oleh para qurra'. Kajian berbentuk diskriptif ini akan membahaskan pandangan para qurra' berkaitan huruf hamzah secara khususnya yang melibatkan simbol, warna dan baris huruf tersebut. Kesemua data dianalisis menggunakan metode induktif dan deduktif. Hasil kajian menunjukkan bahawasanya huruf hamzah mempunyai latar belakang yang pelbagai merujuk kepada simbol, warna dan barisnya. Kesemua latar belakang ini tidak mampu diterjemahkan kepada masyarakat selagi mana masyarakat masih lagi terikat dengan kaedah pembacaan Riwayat Hafs bin Sulayman al-Kufi. Maka dengan ini jikalau kefahaman ini tidak diperjelaskan secara terperinci kepada masyarakat umum, dikhuatiri masyarakat akan terkeliru tentang identiti huruf hamzah yang diwarnai dengan pelbagai perubahan dalam semua aspek sama ada melibatkan aspek simbol dalam mushaf mahupun kepelbagaian sebutan dalam pembacaan berdasarkan ahru' al-Sab'ah. Kajian ini juga mampu menjadi nilai tambah bagi guru-guru al-Quran dalam memahami ruang lingkup huruf hamzah yang menjadi salah satu huruf dalam kumpulan huruf hija'iyah.

Keywords: hamzah, simbol, hijaiyyah, Hafs.

Cite as: Felza Zulhibri Abd Hamid, Nor Hafizi Yusof & Muhamad Fadlly Ismail. 2021. [The letter hamzah: Highlights of its origin and background] Huruf hamzah: Sorotan asal usul dan latar belakang. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(3): 29-37.

PENGENALAN

Masyarakat Islam di Malaysia sudah sebatih bertahun lamanya membaca dengan *Riwayah* Hafs b. Sulayman al-Kufi. Fenomena ini telah pun menimbulkan satu tembok kefahaman yang mengelirukan tentang asal usul dan latar belakang simbol huruf hamzah. Tembok kefahaman ini agak sukar untuk diruntuhkan kerana masyarakat yang langsung tidak mempunyai maklumat tentang ilmu *al-Qira'at* adalah yang paling ramai dalam kalangan masyarakat di Malaysia (Mohd Rahim Jusoh, 2001: xvi). Kekeliruan tersebut perlu diperjelaskan dari mula dicipta simbolnya sehinggalah kepada hubungan kait perubahan sebutan yang timbul berdasarkan kedudukan huruf hamzah dalam sesuatu kalimah. Kekeliruan tersebut semakin agak sukar untuk diatasi kerana kaedah pembacaan al-Quran berdasarkan *Riwayah* Hafs b. Sulayman al-Kufi adalah antara kaedah *riwayah* yang paling minimum keterlibatannya terhadap perubahan

sebutan huruf hamzah. Hal ini kerana riwayat ini secara keseluruhan mengekalkan sebutan huruf hamzah secara al-Tahqiq kecuali tiga tempat sahaja berdasarkan tiga kesan perubahan. Tiga kalimah tersebut adalah *ءَأَعْمِي* (al-Tashil) dalam surah Fussilat, *بِئْسَ الْأَسْمُ* (shibh al-Naql) dalam surah al-Hujurat dan *أَتْتُونِي* (al-Ibdal ketika ibtida') dalam surah al-Ahqaf.

Kajian ini dilakukan adalah berdasarkan kekeliruan fakta tentang huruf hamzah bermula daripada zaman dicipta simbolnya sehinggalah kepada praktikal bentuk simbolnya dalam *mushaf* daripada zaman ke zaman. Huruf hamzah adalah satu-satunya huruf yang mempunyai kepelbagaian dari semua sudut sama ada dari sudut latarbelakang, simbol mahupun dari sudut sebutan. Simbol huruf hamzah dalam *mushaf* bukanlah diasaskan daripada tunjuk ajar Baginda s.a.w mahupun daripada para *Sahabah* r.a. Ini adalah kerana *mushaf* pada zaman Rasulullah s.a.w dan para *Sahabah* r.a tidak mempunyai sebarang baris, titik mahupun huruf hamzah. Penciptaan simbol huruf hamzah muncul pada zaman al-Khalil b. Ahmad al-Farahidi al-Basri (Tawfiq Ibrahim Damrah, 2008: 24).

Justeru kajian ini dilakukan untuk memperjelaskan lagi fakta yang melibatkan huruf hamzah yang sebenarnya merujuk kepada asal-usul dan latar belakang huruf tersebut dalam keadaan sebahagian besar umat Islam di dunia khususnya di Malaysia membaca al-Quran dengan *Riwayah* Hafs b. Sulayman al-Kufi. *Riwayah* ini secara keseluruhannya kurang memberi impak yang besar dalam memberi kefahaman yang lengkap terhadap ruang lingkup huruf hamzah.

ASAL USUL DAN LATAR BELAKANG HURUF HAMZAH

Huruf hamzah digelar sebagai huruf *al-Halq* (Kumpulan huruf *makhraj* di kerongkong) (Zakariyya al-Ansari, 1998: 42). Huruf hamzah juga dikenali sebagai huruf *al-Alif al-Mutaharrikah* (Huruf *alif* yang berbaris. Hal ini demikian huruf *alif* yang sebenarnya adalah huruf *mad* yang tidak berbaris) yang mempunyai sifat *jahr* (Tertahan nafas apabila menyebutnya akibat daripada kuatnya pegangan *makhraj*), *shiddah* (Tertahan suara ketika menyebutnya akibat kuatnya pegangan *makhraj*), *istifal* (Merendahkan lidah secara mendatar ketika menyebutnya), *infatih* (Wujudnya renggangan antara lidah dengan langit-langit ketika menyebutnya) dan *ismat* (Antara huruf yang sukar disebut kerana berada pada anggota *makhraj* 'am yang terletak di dalam mulut sampai ke kerongkong) (Safaqisi, 1974: 47).. Kajian akan menjelaskan kepelbagaian huruf hamzah dari segi latarbelakang merujuk kepada asal penciptaan simbol sehinggalah kepada praktikal yang diguna pakai dalam *mushaf* pada hari ini. Perbincangan terhadap huruf hamzah dari sudut latar belakang terbahagi kepada lima bahagian (Muhammad Salim Muhaysin, 1995: 27-31) iaitu simbol, warna, baris, keadaan dan situasi. Kajian ini hanya menyentuh isu simbol, warna dan baris huruf hamzah sahaja.

Simbol Huruf Hamzah

Selepas generasi Salafiyyun, para qurra' telah memperkenalkan simbol huruf hamzah berdasarkan dua pendapat (al-Maraghani al-Tunisi, 1995: 231). Pertama, huruf hamzah diletak simbol bulat hitam (.). Simbol ini menyerupai titik kepada huruf sama ada huruf hamzah tersebut adalah *muhaqqaqah* (Huruf hamzah yang tiada perubahan dari segi sebutan) ataupun *musahhalah* (Huruf hamzah yang disebut sebutannya antara huruf *alif* dengan baris *fathah*).

Pendapat ini dipegang oleh penulis-penulis *mushaf*. Kedua, huruf hamzah diletak simbol huruf ‘ayn kecil (ع). Pendapat kedua ini dipegang oleh ahli Nahu dan penulis surat serta syair ketika zaman permulaan Islam, sepertimana kata al-Kharaz (al-Maraghani al-Tunisi, 1995: 231):

لَأَجْلَ ذَا خُطَّتْ عَنِ الثَّقَاتِ عَيْنًا مِنَ الْكُتَابِ وَالنُّحَاةِ

Bermaksud: “Atas dasar itu (munasabah yang telah dibincangkan sebelum ini), ditulis simbol huruf hamzah dengan huruf ‘ayn kecil oleh penulis surat dan pensyair serta ahli Nahu”

Al-Dani berpendapat hal ini berlaku sedemikian kerana dua sebab (al-Maraghani al-Tunisi, 1995: 231). Pertama, huruf hamzah bersifat *shiddah* dan huruf ‘ayn juga bersifat hampir kepada *shiddah* dan keadaan ini tidak berlaku kepada huruf-huruf *halq* yang lain. Kedua, kedua-dua huruf ini (‘ayn dan hamzah) merupakan huruf *halq* dan keadaan ini tidak berlaku kepada huruf-huruf lain yang bersifat *shiddah*. Berkata al-Kharaz (al-Maraghani al-Tunisi, 1995: 231):

وُخِصَّتِ الْعَيْنُ لِمَا بَيْنَهُمَا مِنْ شِدَّةٍ وَقُرْبٍ مَخْرَجِيهِمَا

Bermaksud: “Dikhususkan penulisan huruf hamzah kepada huruf ‘ayn kecil atas dasar munasabah antara huruf ‘ayn dengan huruf hamzah merujuk kepada sifat *shiddah* dan hampirnya makhraj kedua-dua huruf tersebut”

Warna Huruf Hamzah

Apabila melibatkan isu warna, ia berdasarkan kepada enam jenis huruf hamzah (Muhammad Salim Muhaysin, 1995: 27):

- a. *Muhaqqaqah*: Huruf hamzah yang tiada perubahan dari sudut sebutan, contoh Surah al-Baqarah (2): 4:

أَنْزَلَ

Huruf hamzah ini diletak simbol titik bulat berwarna kuning, sepertimana kata al-Kharaz (al-Maraghani al-Tunisi, 1995: 225):

فَصَبَّطُ مَا حَقَّقَ بِالصَّفَرَاءِ نَقْطُ

Bermaksud: “Diwarnakan huruf hamzah mu‘aqqaqah dengan warna kuning...”

Perwarnaan dengan warna kuning ini meliputi secara mutlak kepada semua huruf hamzah yang tiada perubahan dari segi sebutan asal. Huruf hamzah sebegini boleh dikategorikan seperti di bawah:

- i. Terletak di awal kalimah, contoh, Surah al-Baqarah (2): 33: أَنْبِئْهُمْ
- ii. Terletak di pertengahan kalimah, contoh, Surah al-Nisa’ (4): 153: سَأَلُوا
- iii. Terletak di akhir kalimah, contoh, Surah al-Ankabut (29): 20: بَدَأَ

- iv. Tempatnya diletakan huruf *alif*, sepertimana contoh-contoh sebelum ini.
 - v. Tempatnya diletakan huruf *ya'*, contoh, Surah al-Inshiqaq (84): 21: **قُرْئَ**
 - vi. Tempatnya diletakan huruf *waw*, contoh Surah al-Furqan (25): 77: **يَعْبُؤْ**
 - vii. Ada tempat sepertimana contoh-contoh sebelum ini.
 - viii. Tiada tempat, contoh, Surah Ali 'Imran (3): 91: **مَلَّءَ**
 - ix. Berbaris sepertimana contoh-contoh sebelum ini.
 - x. *Sukun* (tidak berbaris), contoh, Surah Maryam (19): 89: **جَنَّتُمْ**
 - xi. Tunggal, tiada huruf hamzah yang lain dalam kalimah, sepertimana contoh-contoh sebelum ini.
 - xii. Berhimpun dengan huruf hamzah lain, contoh, Surah Ali 'Imran (3): 5: **أَوْ نَبِّئُكُمْ**
- b. *Musahhalah*: Huruf hamzah yang disebut antara huruf *alif* dengan baris *fathah* berdasarkan bacaan *al-Tashil* yang hanya melibatkan imam-imam tertentu. Contoh kalimah yang terlibat adalah seperti di bawah dan hanya melibatkan huruf hamzah kedua Surah al-Ma'un (107): 1: **أَرْءَيْتَ**
- Huruf hamzah ini diletak simbol titik bulat dan berwarna merah, sepertimana kata al-Kharaz (al-Maraghani al-Tunisi, 1995: 225):
- وَمَا سُهِّلَ بِالْخَمْرَاءِ
- Bermaksud: “Dan huruf hamzah musahhalah diwarnakan dengan warna merah”
- c. *Mubdalah harfan muharrakan*: Huruf hamzah ditukar kepada huruf berbaris berdasarkan bacaan *al-Ibdal* yang hanya melibatkan imam-imam tertentu, contoh:
- i. Huruf hamzah ditukarkan kepada huruf *ya'* Surah al-Baqarah (2): 150: **لِنَلَّا**
 - ii. Huruf hamzah ditukarkan kepada huruf *waw* Surah Al 'Imran(3):145: **مُؤَجَّلًا مُؤَجَّلًا**

Huruf hamzah sebegini juga diletak simbol titik bulat berwarna merah. Ini adalah kerana isu ini termasuk dalam kategori *musahhalah* merujuk kepada makna *al-Tashil* itu secara umumnya adalah *li al-Takhfif* iaitu untuk meringankan sebutan huruf hamzah sepertimana yang telah diperjelaskan oleh al-Kharaz dengan katanya (al-Maraghani al-Tunisi, 1995, 1995: 225):

وَدَا الَّذِي ذَكَرْتُ فِي الْمُسَهَّلِ سُهِّلَ بَيْنَ بَيْنٍ أَوْ بِالْبَدَلِ
إِذَا تَحَرَّكَ.....

Bermaksud: “Dan apa yang telahku sebutkan dalam kategori al-Musahhil, (diwarnakan merah) hanya kepada al-Tashil bayna bayna dan al-Ibdal sekiranya huruf yang dibaca al-Ibdal itu berbaris (bukan al-Ibdal huruf sukun sama ada huruf mad atau sukun sah)”

Maka dengan perincian yang telah dinyatakan oleh al-Kharaz, dapatlah difahami walaupun banyak kategori huruf hamzah yang secara asasnya termasuk dalam istilah *musahhalah*, tetapi hanya kategori *al-Tashil bayna bayna* dan *mubdalah harfan muharrakan* yang diwarnakan merah apabila melibatkan kaedah pewarnaan simbol huruf hamzah.

- c. *Mubdalah harf mad*

Huruf hamzah ditukarkan kepada huruf *mad* berdasarkan bacaan *al-Ibdal* dan hanya melibatkan imam tertentu, contoh, Surah al-Ma'un (107): 1:

أَرْءَيْتَ : أَرَأَيْتَ

Bagi isu huruf hamzah sebegini, tiada warna baginya. Ini adalah kerana huruf hamzah dalam situasi sebegini sudah bertukar menjadi huruf lain (al-Öabba', 1995: 28).

d. *Manqulah*

Huruf hamzah dipindahkan barisnya berdasarkan bacaan *al-Naql* dan hanya melibatkan imam tertentu, contoh, Surah al-Mu'minun (23): 1:

قَدْ أَفْلَحَ : قَدْ أَفْلَحَ

Huruf hamzah sebegini tidak dapat diwarnakan. Ini adalah kerana huruf hamzah dalam situasi sebegini sudah digugurkan setelah barisnya berpindah kepada huruf lain, sepertimana kata al-Shatibi (Shatibi,1996: 19):

..... وَاحْذِفْهُ مُسْهِلًا

Bermaksud: "Dan digugurkan huruf hamzah tersebut untuk memudahkan bacaan"

e. *Mahzufah*

Huruf hamzah digugurkan atas bacaan *al-Isqat* dan hanya melibatkan imam tertentu. Isu ini hanya melibatkan huruf hamzah pertama, contoh, Surah al-Mu'minun (23): 27:

جَاءَ أَمْرُنَا : جَاءَ أَمْرُنَا

Huruf hamzah sebegini tidak dapat diwarnakan. Ini adalah kerana huruf hamzah tersebut sudah tidak wujud lagi.

Walau bagaimanapun, praktikal zaman sekarang tidak sepertimana perbincangan di atas berdasarkan beberapa kesulitan. Sekiranya huruf hamzah tersebut dalam kategori *musahhalah* ataupun *mubdalah harfan muharrakan*, disimbolkan dengan simbol bulat berwarna hitam. Manakala huruf hamzah dalam kategori *mubdalah harf mad*, *manqulah* dan *mahzufah* tidak mempunyai sebarang simbol (al-Dabba', 1999: 110)

Baris Huruf Hamzah

Jumhur ulama' *Dabt* telah bersepakat meletakkan beberapa ketetapan melibatkan baris huruf hamzah seperti berikut (Muhammad Salim Muhaysin, 1995: 28):

a. *Muhaqqaqah*. Jumhur ulama' *Dabt* bersepakat meletakkan baris kepada huruf hamzah.

- b. *Musahhalah*. Jumhur ulama' *Dabt* bersepakat tidak meletakkan baris kepada huruf hamzah.
- c. *Mahzufah*. Jumhur ulama' *Dabt* bersepakat menggugurkan huruf hamzah serta barisnya.
- d. *Manqulah*. Jumhur ulama' *Dabt* bersepakat memindahkan baris huruf hamzah kepada huruf *sukun sahiih* yang terletak sebelumnya sekiranya selepasnya terdapat huruf *sukun sahiih*, contoh, Surah al-Mu'minun (23): 1:

قَدْ أَفْلَحَ : قَدْ أَفْلَحَ

Sekiranya selepas huruf hamzah itu terdapat *tanwin*, jumhur ulama' *Dabt* bersepakat hanya memindahkan baris huruf hamzah secara lafaz tanpa mengubah tulisan, contoh Surah al-Baqarah (2): 104:

عَذَابٌ أَلِيمٌ : عَذَابٌ لَّيْمٌ

- e. *Mubdalah harfan muharrakan*. Melibatkan *al-Ibdal* huruf *ya'*, contoh, Surah al-Baqarah (2): 150:

لَيْلًا : لَيْلًا

Isu ini terbahagi kepada dua pendapat:

- i. Huruf *ya'* yang menggantikan huruf hamzah tidak diletakkan baris.
 - ii. Huruf *ya'* yang menggantikan huruf hamzah diletakkan baris.
- Pendapat kedua inilah yang telah dipraktikkan sepertimana contoh sebelum ini.

- f. *Mubdalah harf mad*. Jumhur ulama' *Dabt* bersepakat tidak meletakkan baris pada huruf hamzah yang dibaca secara *al-Ibdal* (huruf hamzah kedua) dan terbahagi kepada dua jenis, iaitu:

- i. Huruf hamzah yang tunggal: Digugurkan huruf hamzah dengan barisnya dan diletakkan simbol *mad* di tempat atau rumah huruf hamzah tersebut, contoh Surah al-Ma'un (107): 1: أَرَأَيْتَ : أَرَأَيْتَ
- ii. Huruf hamzah berhimpun dengan huruf hamzah lain. Isu ini terbahagi kepada lima bahagian:

1. Dua huruf hamzah berhimpun. Melibatkan hamzah *istifham* dengan hamzah *wasl* dalam satu kalimah, contoh, Surah al-'An'am (6): 143: أَلَذَّكَرَيْنِ : أَلَذَّكَرَيْنِ
Digugurkan hamzah *wasl* dengan barisnya dan diletakkan simbol *mad* di tempat atau rumah hamzah *wasl*.
2. Dua huruf hamzah berhimpun. Dalam keadaan huruf hamzah kedua bukan hamzah *wasl* dan selepasnya terdapat huruf *sukun I'lahiyyah*, contoh, Surah al-Baqarah (2): 6: أَعَذَّرْتَهُمْ : أَعَذَّرْتَهُمْ

Digugurkan huruf hamzah kedua beserta barisnya dan diletakkan simbol *mad* di tempat atau rumah huruf hamzah tersebut. Ada pendapat yang

- mengatakan tidak perlu diletakkan apa-apa simbol, tetapi pendapat yang mengatakan perlu diletakkan simbol *mad* adalah pendapat yang dipraktikkan.
3. Dua huruf hamzah berhimpun. Iaitu hamzah *istifham* dengan hamzah *wasl* dalam satu kalimah dan selepasnya terdapat *harakah 'aridah* (baris yang mendatang). Kategori ini melibatkan juga bacaan *al-Naql*, contoh Surah Yunus (10): $\text{أَلَانَ} : \text{ءَالَنَّ}$
Digugurkan huruf hamzah kedua dengan barisnya dan tidak diletakkan simbol *mad* di tempat atau rumah huruf hamzah tersebut kecuali jikalau melibatkan pemanjangan sesuatu hukum *mad*, sepertimana contoh sebelum ini. Terdapat pendapat yang mengatakan perlu diletakkan simbol *mad* dan ada yang mengatakan tidak perlu dan pendapat yang mengatakan perlu diletakkan simbol *mad* adalah pendapat yang dipraktikkan.
 4. Huruf hamzah berhimpun dengan huruf hamzah lain. Kedua-duanya terhimpun dalam satu kalimah dan selepasnya terdapat *harakah a'liyyah* (baris yang asal), contoh, Surah Hud (11): $\text{ءَالِدٌ} : \text{ءَالِدٌ}$
Digugurkan huruf hamzah kedua dengan barisnya dan tidak diletakkan simbol *mad* di tempat atau rumah huruf hamzah tersebut.
 5. Huruf hamzah berhimpun dengan huruf hamzah lain dalam dua kalimah. Digugurkan huruf hamzah kedua dengan barisnya dan tidak diletakkan simbol *mad* atau rumah huruf hamzah tersebut, contoh, Surah 'Abasa (80): $\text{شَاءَ أَنْشَرَهُ} : \text{شَاءَ أَنْشَرَهُ}$

Untuk menguatkan lagi sokongan ilmiah terhadap kesemua penjelasan sebelum ini, kajian mengakhiri penjelasan bagi isu ini dengan kata-kata al-Kharaz (al-Maraghani al-Tunisi, 1995: 238-239):

وَهَمْزُ ءَالَانَ إِذَا مَا أَبْدَلَا وَبَابِهِ مَطُّ عَلَيْهِ جَعَلَا
وَلَكْ فِي ءَأَنْتَ أَنْ تُثْبِرَهُ وَبَابِهِ وَلَا تَقْسُ شَا أَنْشَرَهُ

Bermaksud: “Dan huruf hamzah (kedua) pada lafaz ءَالَانَ dan contoh-contoh yang sama dengannya (yang melibatkan hamzah istifham berhimpun dengan hamzah wasl) diletakkan simbol mad. Dan begitu jugalah kepada contoh-contoh yang lain seperti ءَأَنْتَ (bukan seperti ءَالَانَ) untuk diqiaskan seperti ءَالَانَ dan jangan diqiaskan kepada شَا أَنْشَرَهُ ”

KESIMPULAN

Berdasarkan hasil kajian, penulis telah membentangkan latar belakang huruf hamzah yang melibatkan simbol, warna dan barisnya berdasarkan fakta yang dirakamkan oleh para ulama’ Kajian penulis juga telah merungkai beberapa persoalan yang melibatkan huruf hamzah yang sering berubah bentuk, warna serta barisnya berdasarkan identiti huruf hamzah tersebut. Kesemua yang dibentangkan dalam kajian ini akan terus menjadi suatu perkara yang tertutup sekiranya kefahaman masyarakat masih lagi terikat di bawah *Riwayah* Hafs b. Sulayman al-Kufi.

RUJUKAN

- Abi al-Baqa', 'Ali b. 'Uthman b. Muhammad b. al-Qasih (t.t), *Sharh Talhis al-Fawa'id wa Taqrib al-Mutaba'id*, Kaherah: Maktabah al-'Azhariyyah li al-Turath.
- Abu 'Amru 'Uthman b. Sa'id al-Dani (1978), *al-Muqni' fi Rasm Masahif al-'Amsar ma'a Kitab al-Naqt*, (tahqiq: Muhammad al-Sadiq Qamhawi), Kaherah: Maktabah al-Kulliyyat al-'Azhariyyah.
- Ahmad 'Ali al-Imam (1998), *Variant Readings of The Qur'an: A Critical Study of Their Historical and Linguistic Origins*. Virginia: International Institute of Thought Herndon.
- 'Ali Muhammad al-Dabba (1999) *Samir al-Talibin fi Rasm wa Dabt al-Kitab al-Mubin*. Kaherah: Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath, h. 20.
- al-Jazari, Muhammad b. Muhammad b. Muhammad b. 'Ali b. Yusuf (1994) *Tayyibah al-Nashr*, (tahqiq: Muhammad Tamim al-Zu'bi)
- al-Maraghani, Ibrahim b. Ahmad b. Sulayman al-Tunisi (1995), *Dalil al-Hairan 'ala Mawrid al-Zam'an fi Fannay al-Rasm wa al-Dabt*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Mohd Rahim Jusoh (2008), *Tarikh al-Qur'an & rasm Uthmani*, Kuala lumpur, Pustaka Khodim al-Mushaf, h. 97.
- Muhaysin, Muhammad Salim (1995), *Irshad al-Talibin ila Dabt al-Kitab al-Mubin*, Kaherah: al-Idarah al-Ma'ahid al-Azhariyyah.
- al-Shathibi, al-Qasim b. Firruh b. Khalaf b. Ahmad al-Syathibi al-Ru'ayni al-Andalusi (1996), *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani*, (tahqiq: Muhammad Tamim al-Zu'bi)